

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD
KAWASAN : PASIR PUTEH
TARIKH : 24 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD (PASIR PUTEH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jalan Alor Pasir ke Tok Bali akan disiapkan dan boleh digunakan awam. Berapakah kos keseluruhan projek dan kontraktor-kontraktor yang bertukar ganti.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Jalan Pasir Puteh/Gong Kulim/Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan telah dimulakan pada 1 Februari 2006 dan sepatutnya disiapkan pada 28 Mac 2010.

Walau bagaimanapun, kontrak asal projek ini telah ditamatkan pada bulan Julai 2010 dengan kemajuan fizikal di tapak semasa penamatan ialah 73%, iaitu bersamaan nilai RM40.7 juta daripada RM56 juta harga kontrak asal. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik kontraktor yang baru pada bulan April 2011 dengan harga kontrak sebanyak RM49 juta. Kontrak ini sepatutnya disiapkan pada bulan Februari 2014. Namun demikian kontrak ini juga terpaksa ditamatkan pada bulan November 2013 berikutan masalah kelemahan kontraktor. Nilai kerja yang dilaksanakan sehingga tarikh penamatan ialah RM27.4 juta atau bersamaan 55% kemajuan fizikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKR pada masa kini sedang dalam proses melantik kontraktor penyelamat yang baru bagi meneruskan baki kerja yang terbengkalai itu. Berdasarkan perancangan, kontraktor yang baru dijangka akan memasuki tapak pada bulan April atau Mei 2014 dengan tempoh siap kerja selama 6 bulan. Anggaran harga kontrak untuk baki kerja ini ialah sebanyak RM20 juta.

Sekian. Terima kasih.